

## UMP Bangunkan Model Kompetensi dan Kepimpinan Staf



Kuantan, 2 Oktober – Seramai 30 orang staf Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyertai Program Kepimpinan dan Pembangunan Sumber Manusia Strategik UMP, Modul 1: Pembangunan Model Kompetensi dan Kepimpinan anjuran Bahagian Latihan dan Pengembangan Kompetensi (BLPK) yang diadakan di Dewan Tun Fatimah, UMP Gambang baru-baru ini. Program bertujuan mendapatkan input daripada pihak pengurusan universiti dan perwakilan bagi setiap gred perjawatan untuk dibangunkan model kompetensi dan kepimpinan.

Perunding yang dilantik, Profesor Madya Haji Shoki yang mengendalikan program berkata, model kompetensi dan kepimpinan merupakan perkara asas yang perlu diwujudkan dalam proses pelaksanaan program pembangunan sumber manusia strategik yang meliputi program pengurusan bakat, plan penggantian dan pra persaraan.

"Program ini sangat penting dalam proses pelaksanaan pembangunan sumber manusia secara menyeluruh kerana jika perancangan yang dirangka dilaksanakan sepenuhnya akan membolehkan hasrat pihak pengurusan universiti untuk melahirkan staf yang berkualiti dan berproduktiviti tinggi akan dapat direalisasikan," katanya.

Selain itu, model ini akan dijadikan asas dan panduan dalam setiap perancangan dan pelaksanaan berkaitan pembangunan sumber manusia agar ianya selari dengan kehendak dan aspirasi pihak pengurusan universiti.



Menurutnya, peserta ini telah diterapkan dengan pengetahuan keperluan universiti ini mempunyai model yang khusus berkaitan kompetensi dan kepimpinan agar program-program yang dijalankan bagi pembangunan sumber manusia mempunyai pegangan dan sasaran outcome yang jelas.

Sementara itu, menurut Pemangku Pendaftar, Abd Rahman Hj. Safie berkata, kejayaan sesebuah organisasi atau universiti bukan sahaja disebabkan oleh ketua jabatannya tetapi ianya melibatkan peranan dan tanggungjawab yang dimainkan oleh semua lapisan staf yang mendokong kepada budaya kerja cemerlang melalui penghasilan kerja berkualiti dan berproduktiviti tinggi.



Peserta program, Zuryaty Zol dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) berkata, menerusi program ini kita dapat rasakan kebersamaan kerana turut dilibatkan dalam membina aspek pembangunan sumber manusia yang akan menjadi panduan pihak universiti. Katanaya, penglibatan pelbagai pihak dan lapisan staf dalam membina model tersebut akan dapat memastikan ianya dapat memenuhi kehendak dan aspirasi bukan sahaja oleh pihak pengurusan universiti tetapi juga oleh semua lapisan staf.

Begitu juga dengan Norfarizan Mohd. Daud dari Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (PTMK) berpendapat pelaksanaan program pengurusan bakat dan pelan penggantian akan lebih efektif dan berkesan dengan mengambil kira pandangan semua pihak untuk kepentingan universiti ini.

***Berita dan gambar disediakan oleh Mohd. Ruzaini Hashim dari Bahagian Latihan dan Pengembangan Kompetensi (BLPK) dan suntingan oleh Bahagian Komunikasi Korporat PNC.***

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 05-10-2015, 10:59:04